

Praktis 1

A. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu **kesalahan ejaan**. Kenal pasti setiap kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. **Kesalahan Ejaan** **Arab B**

1 Habib membaharui paspotnya kerana dia hendak melancong ke luar negara pada bulan hadapan.

2 Ciri-ciri penghidap autism ialah penghidap menghadapi kesukaran untuk memahami isyarat sosial dan tiada hubungan mata dengan orang lain.

3 Murid-murid memenuhi oditorium itu untuk mendengar ceramah yang akan disampaikan oleh Angkasawan Negara.

4 Orang ramai tidak dibenarkan mandi di lumbong itu kerana berbahaya dan dapat mengundang maut.

5 "Majlis makan malam ini eksklusif untuk ejen-ejen yang aktif dan meraih jualan tertinggi sepanjang tahun ini," kata pengasas produk kecantikan itu.

6 Wanita yang berambut kerinting itu ibu saudara saya.

7 Emak sedang menggoreng bihun manakala kakak sedang membancuh air sirap.

8 Produk kraf tangan yang unik itu dihasilkan daripada filem-filem Xray.

9 Tan Sri P. Ramlee merupakan lagenda negara yang tiada gantinya.

10 Pengurus syarikat itu bermesyuarat dengan beberapa orang kakitangannya untuk merangka sistem pengurusan yang sistemetik.
